


WANITA & KELUARGA

PERCERAIAN

(ISLAM DAN BUKAN ISLAM)



WANITA & KELUARGA (PERCERAIAN BAGI ORANG ISLAM)

1. Soalan : Apa maksud Perceraian/Talaq?

Jawapan : Perceraian/Talaq ialah pembubaran ikatan perkahwinan dengan lafaz talaq atau seumpamanya berdasarkan Hukum Syarak.

2. Soalan : Apakah jenis-jenis perceraian yang boleh dituntut di Mahkamah Syariah?

Jawapan : Jenis-jenis perceraian yang boleh dituntut di Mahkamah Syariah adalah:-

1. Cerai Biasa
2. Pengesahan Cerai Luar Mahkamah (PCLM)
3. Fasakh
4. Ta'liq
5. Khulu' (Tebus Talaq)

3. Soalan : Apakah maksud Cerai Biasa?

Jawapan : Cerai Biasa ada 2 jenis iaitu dengan:-

1. Lafaz talaq oleh suami; atau
2. Persetujuan bersama suami isteri.

4. Soalan : Bagaimanakah bentuk Cerai Biasa?

Jawapan : Cerai Biasa terjadi dalam 2 keadaan lafaz talaq iaitu:-

1. Talaq Sorih (Jelas)

Lafaz talaq yang jelas ditujukan kepada isteri.

Contoh : *"Aku ceraikan/talaqkan kau!"*.

2. Talaq Kinayah (Tidak jelas)

Lafaz talaq yang tidak jelas/tersirat tetapi mengandungi/membawa maksud perceraian.

Contoh : *"Berpisahlah kita!"*

5. **Soalan** : Apakah maksud **Pengesahan Cerai Luar Mahkamah (PCLM)**?

Jawapan : PCLM ialah suatu tuntutan untuk mengesahkan talaq yang telah dilafazkan oleh suami di luar tanpa kebenaran Mahkamah.

Contoh : di rumah, di pejabat dan sebagainya.

6. **Soalan** : Bagaimana untuk **mengesahkan lafaz talaq yang telah dibuat di luar Mahkamah**?

Jawapan : Suami atau isteri hendaklah hadir ke Mahkamah dalam tempoh 7 hari dari lafaz talaq berlaku.

7. **Soalan** : Apakah maksud **Cerai Ta'liq**?

Jawapan : Cerai Ta'liq bermaksud cerai yang boleh dituntut oleh isteri apabila:-

1. Suami melanggar syarat-syarat perakuan Ta'liq yang dilafazkannya selepas akad nikah; atau
2. Lafaz talaq bersyarat.

Contoh : *"kalau kau keluar dari rumah ini, maka jatuhlah talaq!"*

8. **Soalan** : Apakah **bentuk lafaz Ta'liq yang diamalkan di Malaysia**?

Jawapan : Bentuk lafaz/perakuan Ta'liq dalam sijil nikah:-

"Adalah saya (nama suami) dengan ini berta'liq bahawa jika:

1. Saya tidak bermu'asyarah yang ma'ruf dengan isteri saya (nama isteri) sama ada saya meninggalkan dia dengan sengaja atau paksaan atau dia meninggalkan saya dengan paksaan selama 4 bulan qamariah berturut-turut atau lebih; atau
2. Saya atau wakil saya tidak memberi nafkah kepadanya selama 4 bulan qamariah berturut-turut atau lebih dan dia tidak disabitkan nusyuz oleh mana-mana Mahkamah Syariah; atau
3. Saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, penganiayaan atau dharar syarie terhadapnya;

Dan apabila dia membuat aduan kepada qadi atau hakim syariah dan jika sabit aduannya di sisi qadi atau hakim syariah dan dia memberikan qadi atau hakim syariah yang menerima bagi pihak saya sebanyak RM10 atau senilai dengannya, maka ketika itu tertalaqlah dia (nama isteri) dengan talaq khul."

9. Soalan : Sekiranya suami tidak bersetuju dengan perceraian biasa, apakah **kaedah Mahkamah** untuk memutuskan tuntutan tersebut?

Jawapan : Mahkamah boleh melantik **Hakam** untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri.

10. Soalan : Apakah **fungsi Hakam**?

Jawapan : 1. Meneliti dan mempertimbangkan sama ada perkahwinan itu wajar diteruskan atau tidak setelah menjalankan siasatan terhadap pihak suami dan isteri; dan
2. Mempunyai kuasa melafazkan talaq bagi pihak suami.

11. Soalan : Apakah maksud **Cerai Khulu' (Tebus Talaq)**?

Jawapan : Perceraian secara Khulu' (Tebus Talaq) boleh berlaku apabila isteri menawarkan kepada suami sejumlah wang atau harta dengan syarat suami bersetuju dengan jumlah yang ditawarkan. Talaq seumpama ini tidak boleh dirujuk.

12. Soalan : Apakah maksud **Cerai Fasakh**?

Jawapan : Fasakh merupakan suatu **pembubaran perkahwinan** melalui kuasa yang diberikan kepada Hakim, yang dipohon oleh isteri ataupun suami atas alasan-alasan yang dibenarkan oleh Undang-undang.

13. Soalan : Bagaimanakah cerai fasakh boleh **disabitkan oleh Mahkamah**?

Jawapan : Melalui pembuktian yang dapat meyakinkan Mahkamah dengan menampilkan saksi-saksi atau mengemukakan dokumen-dokumen yang menyokong dakwaan pihak yang menuntut.

14. Soalan : Apakah **alasan-alasan** yang membolehkan seorang isteri menuntut cerai fasakh?

Jawapan : 1. Suami telah meninggalkan isteri selama tempoh lebih daripada 1 tahun tanpa sebarang khabar berita;
2. Suami telah cuai memberi nafkah kepada isteri selama tempoh 3 bulan berturut-turut;
3. Suami telah dihukum penjara selama tempoh 3 tahun atau lebih;
4. Suami tidak menunaikan nafkah batin tanpa sebab yang munasabah selama tempoh 1 tahun;
5. Suami telah mati pucuk;
6. Suami telah gila selama tempoh 2 tahun atau menghidap penyakit kusta atau penyakit kelamin yang boleh berjangkit;
7. Penganiayaan oleh suami sama ada secara fizikal, mental dan/atau emosi;
8. Suami melupuskan harta isteri atau melarang isteri dari menggunakan haknya terhadap harta itu;

9. Suami menghalang isteri daripada menunaikan kewajipan agama;
10. Jika suami berpoligami, dia tidak melayani isteri secara adil mengikut hukum syarak; dan
11. Suami dengan sengaja enggan menyetubuhi isteri selepas 4 bulan perkahwinan.

15. Soalan : Sejauh manakah **bidang kuasa Mahkamah mendengar tuntutan perceraian?**

Jawapan : Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan perceraian hanya jika suatu perkahwinan itu didaftarkan menurut undang-undang (iaitu mempunyai sijil/pengesahan nikah yang sah).

16. Soalan : Jika berlaku **penderaan fizikal, mental dan emosi, bolehkah isteri menuntut cerai sedangkan suami enggan menceraikannya?**

Jawapan : Ya, isteri boleh menuntut cerai secara fasakh atau ta'liq dengan membawa saksi-saksi dan bukti-bukti dokumen seperti laporan polis, laporan perubatan, gambar-gambar serta dokumen lain yang berkaitan.

17. Soalan : Adakah suami sahaja yang mempunyai **kuasa untuk menceraikan isterinya?**

Jawapan : Pada dasarnya kuasa untuk melafazkan talaq adalah pada suami. Namun, Mahkamah mempunyai kuasa untuk membubarkan perkahwinan jika isteri menuntut perceraian melalui fasakh, ta'liq atau khulu' walaupun suami enggan menceraikan isterinya.

18. Soalan : Apakah perbezaan antara **Perintah Cerai yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dan **Sijil Cerai** yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)?**

- Jawapan :
1. **Perintah Cerai** (sila rujuk lampiran A)
Dokumen perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah selepas tuntutan cerai diluluskan.
 2. **Sijil Cerai** (sila rujuk lampiran B)
Dokumen yang dikeluarkan oleh JHEAINS selepas perintah cerai didaftarkan.

19. Soalan : Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk **mendaftarkan perceraian di JHEAINS?**

- Jawapan :
1. Perintah Cerai dari Mahkamah Syariah
 2. Sijil Nikah Asal
 3. Salinan Kad Pengenalan suami/isteri

20. Soalan : Sebaik sahaja perceraian diluluskan oleh Mahkamah Syariah, adakah wanita boleh **berkahwin semula** dengan serta merta?

Jawapan : Tidak boleh. Perkahwinan baharu hanya boleh dilaksanakan selepas tamat tempoh iddah.

21. Soalan : Apa itu **Iddah**?

Jawapan : Iddah ialah suatu tempoh bertenang bagi wanita selepas perceraian atau kematian suami. Tujuannya untuk memastikan wanita tersebut tidak mengandung semasa perceraian berlaku.

22. Soalan : Bolehkah bercerai semasa isteri **sedang haid**?

Jawapan : Boleh, kiraan tempoh iddah bermula dari hari pertama bersih daripada haid itu.

23. Soalan : Berapa lamakah **tempoh iddah**?

Jawapan : 1. Cerai hidup:
i. 3 kali suci bergantung kepada kitaran haid; atau
ii. Jika sedang mengandung, iddahnya sehingga melahirkan anak
2. Cerai mati : 4 bulan 10 hari

24. Soalan : Dalam tempoh iddah, adakah suami boleh **ruju'** kembali kepada isterinya?

Jawapan : Boleh, kecuali talaq 3 (Ba'in Qubra).

25. Soalan : Dalam tempoh iddah, bolehkah seseorang lelaki itu berkahwin?

Jawapan : Boleh, tetapi lelaki itu hendaklah memohon kebenaran berkahwin secara poligami di Mahkamah.

26. Soalan : Apakah **hak-hak isteri** yang diceraikan dalam tempoh iddah?

Jawapan : 1. Nafkah iddah
2. Makan minum
3. Tempat tinggal

LAMPIRAN A

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI KOTA KINABALU
NEGERI SABAH, MALAYSIA
NO. KES MAL : ██████████

██████████ ANTARA ... PLAINTIF
██████████
██████████ DAN ...
██████████ DEFENDAN

DI HADAPAN
PUAN TAHERAH BINTI TAHIR
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGERI SABAH

DALAM KAMAR HAKIM
PADA 28HB MAC 2018
BERSAMAAN DENGAN
10 REJAB 1439 HIJRAH

PERINTAH

KES ini telah diselesaikan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff yang diwakili oleh Peguam Syarie PN. ██████████ dan ██████████ manakala Defendan tidak hadir.

Setelah Mahkamah mendengar keterangan Plaintiff serta setelah meneliti dokumen dan hujah yang difailkan oleh pihak Plaintiff, **MAKA MAHKAMAH BERPUAS HATI DAN DENGAN INI MAHKAMAH PERINTAHKAN** seperti berikut :

1. Bahawa pernikahan Plaintiff dan Defendan pada 17hb Ogos 1980 *difasakkan* dan dibubarkan;
2. Bahawa Plaintiff hendaklah beriddah selama 3 kali suci mulai hari ini ██████████
3. Bahawa perceraian ini hendaklah didaftarkan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan Sijil Nikah ██████████ dibatalkan, dan
4. Perintah ini berkuatkuasa serta-merta.

Deraf perintah ini dikeluarkan dengan tandatangan dan cop/meterai Mahkamah ini pada 28 Mac 2018.




Hakim / Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Kota Kinabalu
SITI ALIYAH BINTI HANIS
TUNGGALAN RENDAH SYARIAH
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
KOTA KINABALU

LAMPIRAN B



جباين حال احوال اكرا سلام نكوري ساليه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

SURAT PERAKUAN CERAI

DIVORCE CERTIFICATE

(ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SABAH 2004)

NO. DAFTAR CERAI / DIVORCE REGISTRATION NO [REDACTED]	TARIKH CERAI / DATE OF DIVORCE [REDACTED]
NO KES MAHKAMAH / COURT CASE NO [REDACTED]	TEMPAT BERGERAI / PLACE OF DIVORCE MAHKAMAH RENDAH SYARIAH, KOTA KINABALU
NO. DAFTAR NIKAH / MARRIAGE REGISTRATION NO [REDACTED]	TARIKH NIKAH / DATE OF SOLEMNIZATION OF MARRIAGE 9 APRIL 1997
NAMA PENGANTIN LELAKI / NAME OF BRIDEGROOM [REDACTED]	NAMA PENGANTIN PEREMPUAN / NAME OF BRIDE [REDACTED]
NO KAD PENGENALAN/PASPORT IDENTIFICATION CARD NO/PASSPORT NO [REDACTED]	NO KAD PENGENALAN/PASPORT IDENTIFICATION CARD NO/PASSPORT NO [REDACTED]
TARIKH LAHIR / DATE OF BIRTH 15 MAC 1965	TARIKH LAHIR / DATE OF BIRTH 14 NOVEMBER 1971
ALAMAT / ADDRESS [REDACTED]	ALAMAT / ADDRESS [REDACTED]
JENIS CERAI / TYPE OF DIVORCE RAJIE	BILANGAN TALAK / NO OF DIVORCE SATU
ISTERI BER CERAI DALAM KEADAAN / WIFE'S CONDITION DURING DIVORCE SUCI	

Catatan : Tiada.

17/02/2015
Tarikh Bilgi dikeluarkan/
Date of Issue



BAHARUDIN HJ. ALWI
(Name & Tandatangan Ketua Pendaftar)
Name & Signature of Chief Registrar



WANITA & KELUARGA (PERCERAIAN BAGI ORANG BUKAN ISLAM)

1. Soalan : Apakah yang dimaksudkan dengan **perceraian**?

Jawapan : Perceraian ialah perpisahan antara suami isteri yang diiktiraf oleh undang-undang.

2. Soalan : Bagaimanakah pasangan boleh **menuntut cerai**?

Jawapan : 1. Jika ada persetujuan, pasangan boleh memfailkan petisyen perceraian di Mahkamah Tinggi.

2. Jika tidak ada persetujuan, pasangan hendaklah pergi ke Tribunal Perkahwinan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mendapat khidmat kaunseling terlebih dahulu.

3. Soalan : Bagaimanakah **proses menuntut cerai di Mahkamah Tinggi**?

Jawapan : Mana-mana perkahwinan yang dilangsungkan mengikut agama dan adat masing-masing serta berdaftar di JPN boleh menuntut perceraian di Mahkamah Tinggi.

4. Soalan : Bagaimanakah **proses perceraian bagi perkahwinan yang dilangsungkan mengikut adat**?

Jawapan : 1. Bagi perkahwinan yang dilangsungkan mengikut adat dan didaftarkan di Mahkamah Anak Negeri, perceraian boleh dibuat di Mahkamah yang sama;

2. Bagi perkahwinan yang dilangsungkan mengikut adat dan didaftarkan di JPN, perceraian boleh dibuat di Mahkamah Tinggi;

3. Bagi perkahwinan yang dilangsungkan di gereja dan didaftarkan di Mahkamah Anak Negeri, Mahkamah Anak Negeri hanya mempunyai kuasa untuk membuat perdamaian antara pasangan sahaja;

4. Bagi perkahwinan yang dilangsungkan di gereja dan didaftarkan di JPN, perceraian boleh dibuat di Mahkamah Tinggi.

5. Soalan : Apakah syarat-syarat petisyen perceraian di Mahkamah Tinggi?

- Jawapan :
1. Petisyen perceraian hanya boleh difailkan selepas 2 tahun tempoh perkahwinan;
 2. Pemohon hendaklah merujuk masalah perkahwinan ke Tribunal Perkahwinan di JPN (jika tidak ada persetujuan);
 3. Sekiranya pihak Tribunal gagal untuk menyelesaikan pertikaian tersebut, suatu sijil akan dikeluarkan untuk membolehkan mana-mana pihak memfailkan petisyen perceraian di Mahkamah.
 4. Pengecualian:
Apabila salah seorang pasangan memeluk agama Islam atau kedua-dua pasangan telah bersetuju untuk bercerai.

6. Soalan : Kenapa perlu menunggu 2 tahun untuk memfailkan petisyen cerai?

Jawapan : Bagi mengelak pasangan bercerai secara gopoh demi menjaga kesucian perkahwinan.

7. Soalan : Apakah jenis-jenis perceraian yang boleh dituntut?

- Jawapan :
1. Pembubaran perkahwinan kerana salah seorang pasangan telah memeluk agama Islam;
 2. Pembubaran perkahwinan dengan persetujuan bersama suami isteri; atau
 3. Pembubaran perkahwinan atas alasan pecah belah yang tidak dapat dipulihkan.

8. Soalan : Apakah syarat-syarat jika kedua-dua pasangan bersetuju untuk bercerai?

- Jawapan :
1. Selepas 2 tahun tempoh perkahwinan;
 2. Kedua-dua pihak dengan rela hati bersetuju untuk bercerai; dan
 3. Peruntukan sewajarnya telah dibuat untuk isteri dan anak tentang perkiraan nafkah, hak penjagaan anak dan harta sepencarian (jika ada).

9. Soalan : Apakah maksud **pecah belah yang tidak dapat dipulihkan?**

- Jawapan :
1. Salah seorang suami/isteri telah melakukan zina dan pasangannya tidak sanggup lagi untuk hidup bersama;
 2. Salah seorang suami/isteri telah berkelakuan tidak munasabah sehingga menyebabkan pasangannya tidak sanggup lagi untuk hidup bersama;
 3. Salah seorang suami/isteri telah meninggalkan pasangannya secara berterusan sekurang-kurangnya selama 2 tahun sebelum petisyen perceraian dibuat; atau
 4. Pasangan telah tinggal berasingan secara berterusan sekurang-kurangnya selama 2 tahun sebelum petisyen perceraian dibuat.

10. Soalan : Apakah **dokumen yang diperlukan untuk petisyen perceraian?**

- Jawapan :
1. Salinan Kad Pengenalan pasangan;
 2. Salinan Sijil Perkahwinan atau dokumen-dokumen lain yang membuktikan perkahwinan;
 3. Salinan Sijil Kelahiran anak-anak (jika ada); dan
 4. Sijil Tribunal Perkahwinan (jika ada).

Disediakan Oleh:

Pusat Bantuan Guaman Wanita dengan kerjasama
Jawatankuasa Undang-undang, Majlis Penasihat Wanita Sabah



Diterbitkan Oleh:

Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah
Tingkat 3 & 4, Wisma Wanita, Km. 3.5, Jalan Tuaran,
Beg Berkunci 2082, 88999 Kota Kinabalu, Sabah
Tel.: 088-236110 Faks: 088-236125
Website: www.wanita.sabah.gov.my
<http://www.facebook.com/jhewas>

Sumber Rujukan:

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah 2004
Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]
Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992
Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

Perhatian:

*Risalah ini hanya sebagai panduan sahaja. Anda adalah dinasihatkan untuk
mendapatkan nasihat pakar sebelum mengambil tindakan.*